

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/10/2007

Dr. Mahathir dijangka keluar hari ini *UM - 20/10/2007*

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad dijangka dibenarkan keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) esok selepas menamatkan rawatan fisioterapi dan menerima beberapa rawatan tambahan.

Menurut jurucakap IJN, bekas Perdana Menteri itu akan dibenarkan pulang setelah mendapat pemeriksaan dari para doktor pakar terlebih dahulu.

Tambahnya, keadaan Dr. Mahathir kini stabil dan memuaskan.

“Orang ramai tidak perlu bimbang terhadap status kesihatan Dr. Mahathir yang semakin baik dan jika tidak ada sebarang masalah, beliau akan dibenarkan pulang esok,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri yang berusia 81 tahun itu masih menerima rawatan di Wad Bunga Raya, IJN selepas menjalani pembedahan pintasan jantung 4 September lalu dan pembedahan kedua bagi membersihkan luka pada 22 September.

Semalam, Dr. Mahathir hanya menunggu ‘lampu hijau’ daripada doktor untuk keluar dari IJN dan pulang ke rumah.

Jurucakap itu menambah, Dr. Mahathir bagaimanapun masih tidak dibenarkan menerima pelawat kecuali ahli keluarga terdekat yang sentiasa menemaninya setiap hari.